

Kedoktoran Perubatan Oken Universiti Nionn, Tokyo.
HM 25/5/22 ms 16

RM169.7j diperuntuk ganti 306 lif PPR, PA

Jelebu: Sebanyak 306 lif bagi kawasan Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Kuala Lumpur terbabit dalam projek penggantian atau naik taraf secara berfasa bagi tempoh lima tahun bermula 2020 membabitkan kos RM169.7 juta.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, ketika ini, fasa kedua kerja berkenaan sudah bermula 1 Mei lalu membabitkan 10 kawasan masing-masing dalam Parlimen Bandar Tun Razak, Batu, Cheras, Lembah Pantai, Seputeh, Setiawangsa dan Wangsa Maju.

Menurut beliau, bagi projek fasa satu membabitkan 104 lif di 12 PPR dan PA, ia sudah berjalan 75 peratus dan dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun ini membabitkan kos RM48.2 juta.

“Fasa dua pula membabitkan PPR Raya Permai, PPR Seri Malaysia, PA Seri Perak, PPR Seri Alam, PA Kerinci 1A, PPR Kerinci, PPR Seri Cempaka, PPR Muhibah, PPR Semarak dan PA Seri Tioman.

“Kos projek dianggarkan RM65.4 juta. Ia dijangka siap antara Mei 2023 hingga September 2024 manakala peruntukan projek diperoleh menerusi bajet pembangunan 2021,” katanya ditemui selepas merasmikan Sambutan Hari Guru dan Hari Raya Warga Pendidik Parlimen Jelebu di Kompleks Umno Jelebu, semalam.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Lui Mohd Razi Mohd Ali, Adun Pertang Noor Az-



JALALUDDIN

mi Yusof dan Pegawai Pendidikan Daerah Jempol dan Jelebu Putra Hashim.

Jalaluddin berkata, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar (JPKKB) turut merancang melaksanakan kerja penggantian atau naik taraf lif bagi fasa tiga di PPR Desa Tun Razak dan PA Seri Sarawak membabitkan 18 lif dengan kos RM10.8 juta, menerusi bajet pembangunan 2022.

Ujarnya, bagi projek fasa empat yang menggunakan bajet pembangunan 2023, 48 lif membabitkan PPR Batu Muda, PPR Laksamana, PPR Perkasa dan PPR Pekan Kepong akan diganti atau dinaik taraf dengan kos RM28.8 juta.

Bagi fasa lima, kata beliau, ia membabitkan 27 lif di PPR Bukit Jalil, PA Seri Terengganu dan PA Seri Pangkor dengan kos RM16.2 juta.

Ia akan menggunakan peruntukan daripada bajet pembangunan 2024.

“Ketika ini, bagi projek fasa ke tiga, ia dalam peringkat mengiklankan tender,” katanya.